



# **PROSEDUR OPERASI STANDARD PENGENDALIAN PEPERIKSAAN PENILAIAN PROFESIONAL LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

**SOP 03**

**VERSI 2-2022  
(Pindaan 1-2023)**



# **PROSEDUR OPERASI STANDARD PENGENDALIAN PEPERIKSAAN PENILAIAN PROFESIONAL LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

No. Rujukan	SOP 03
Tarikh Kuatkuasa	
Bil. Versi	VERSI 2-2022 (Pindaan 1-2023)
Disediakan Oleh	JAWATANKUASA PROGRAM PEMBANGUNAN & PROFESIONAL
Diluluskan Oleh	LEMBAGA DALAM MESYUARAT BIL:

# **PROSEDUR OPERASI STANDARD PENGENDALIAN PEPERIKSAAN PENILAIAN PROFESIONAL LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

## **1. TUJUAN**

- (a) Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menetapkan proses pentadbiran yang cekap dalam mengendalikan peperiksaan bagi memenuhi syarat permohonan untuk mendaftar sebagai ahli geologi dengan Lembaga Ahli Geologi Malaysia (selepas ini disebut Lembaga).
- (b) Merangka satu proses yang perlu diikuti oleh kedua-dua pemohon dan Lembaga bagi mengendalikan peperiksaan tersebut.
- (c) Mengenal pasti anggota yang mempunyai peranan utama dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) dan menerangkan bagaimana tanggungjawab mereka berkaitan dengan SOP ini.

## **2. SKOP**

- (a) Prosedur ini diguna pakai untuk ahli geologi berkelayakan mendaftar dengan Lembaga atau untuk mendaftar semula.

## **3. DEFINISI**

- (a) Bagi maksud ini, takrif yang berikut terpakai:
  - (i) Lembaga Ahli Geologi (BoG) - Lembaga profesional untuk ahli geologi seperti yang ditetapkan Akta Ahli Geologi 2008 (selepas ini disebut Akta)
  - (ii) Pendaftar – Pengurus BoG (Jawatan Pengurus akan dilantik oleh BoG)
  - (iii) Daftar sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta
  - (iv) Peperiksaan bermakna kaedah menilai taraf dan atau tahap kemahiran dan pengetahuan yang dicapai oleh pemohon dalam bidang atau profesi
  - (v) Syarat- sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta

## **4. SYARAT AM BAGI KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN**

- (a) Pemohon yang layak untuk menduduki peperiksaan adalah seperti berikut:
  - (i) Mereka yang memenuhi syarat untuk didaftarkan sebagai ahli geologi berdaftar seperti dinyatakan dalam subseksyen 20 Akta 689
  - (ii) Pemohon mesti mempunyai rekod yang baik, iaitu tidak mempunyai rekod jenayah atau penghakiman bersalah atas kelakuan beretika oleh BoG atau mana-mana badan rasmi lain.

- (iii) Berdaftar sebagai Ahli Geologi Siswazah dengan Lembaga tidak kurang TIGA (3) tahun.
  - (iv) Telah memperolehi pengalaman praktikal sebagaimana yang dikehendaki di bawah, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015.
- (b) Ahli geologi asing yang mempunyai kelayakan mereka dalam mana-mana bahasa lain kecuali dalam Bahasa Inggeris perlu kemukakan keputusan Ujian Bahasa Inggeris Antarabangsa (IELTS) yang menunjukkan kemahiran bahasa Inggeris mereka.
- (c) Semua dokumen yang dikemukakan hendaklah dalam bahasa Malaysia atau Inggeris. Jika dokumen dalam bahasa selain bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris terjemahan oleh penterjemah bertauliah hendaklah disertakan bersama dengan salinan dokumen asal.
- (d) Bayaran pemeriksaan perlu dibayar sebelum menduduki peperiksaan. Rujukan boleh dibuat kepada yuran terkini yang perlu dibayar seperti yang diterbitkan di laman sesawang Lembaga.
- (e) Bagi mereka yang pendaftarannya tamat atau dibatalkan dan ingin mendaftar semula, mereka ini mestilah tidak mempunyai yuran tertunggak kepada Lembaga.

## 5. PROSEDUR PENGENDALIAN PERMOHONAN

- (a) Borang permohonan untuk menduduki peperiksaan yang diguna pakai adalah Borang J dan boleh dimuat turun dari laman sesawang <http://www.bog.gov.my>.
- (b) Semua pemohon yang layak untuk mengambil peperiksaan dikehendaki menyerahkan borang permohonan yang lengkap serta dokumentasi sokongan berikut:
- (i) Borang permohonan (Borang J) yang lengkap
  - (ii) Salinan kad pengenalan atau dokumen pengenalan sebagai bukti kewarganegaraan semasa.
  - (iii) Satu salinan ijazah dalam bidang geologi atau ijazah yang setaraf disahkan oleh BoG/Lembaga berserta cop rasmi.
  - (iv) Salinan transkrip yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan yang menunjukkan kandungan kursus setiap kelayakan yang dirujuk di atas.
  - (v) Bukti bayaran fi peperiksaan. Permohonan untuk peperiksaan tidak akan diproses tanpa bukti pembayaran fi peperiksaan
  - (vi) Kurikulum Rekod Vitae - amalan dalam bidang Geosains.

- (vii) Surat sokongan bagi menyokong permohonan, jika ada yang mana dapat membantu Lembaga mengkaji permohonan secara objektif.
  - (viii) Permohonan hendaklah sampai kepada Pendaftar dalam masa SATU (1) bulan sebelum tarikh peperiksaan
- (c) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

PENDAFTAR,  
Lembaga Ahli Geologi Malaysia  
Aras 8, Menara PJH  
No. 2 Jalan Tun Abdul Razak  
Presint 2  
62100 PUTRAJAYA

- (d) Permohonan boleh dikemukakan secara di atas talian melalui laman sesawang Lembaga <http://www.bog.gov.my> dengan mengepulkan semua dokumen yang diperlukan.
- (e) Permohonan yang dikemukakan melalui faksimili (fax) tidak akan dilayan.
- (f) Setelah menerima borang dan dokumen berkaitan, Pendaftar akan mengkaji menyemak permohonan untuk kesempurnaan dan ketepatan.
- (g) Setiap permohonan hendaklah direkodkan dalam daftar dan diperuntukkan satu nombor jujukan untuk tujuan pengesanan
- (h) Setelah mengkaji permohonan, Pendaftar akan mengesyorkan secara bertulis salah satu daripada tindakan berikut
  - (i) Memaklumkan kepada pemohon yang memenuhi syarat minimum akan penerimaan permohonannya, dan membekalkan pemohon dengan panduan peperiksaan
  - (ii) Menolak permohonan daripada pemohon yang tidak memenuhi keperluan minimum. Kriteria penolakan segera adalah seperti berikut:-
    - a. Mempunyai yuran tertunggak kepada Lembaga, dan
    - b. Pemohon tidak dalam kedudukan yang baik (lihat Perkara 4.(a)).
  - (iii) Merujuk kembali permohonan kepada pemohon dalam kes permohonan yang tidak lengkap atau perlu penjelasan atau maklumat tambahan.
  - (iv) Nombor jujukan akan digunakan sebagai nombor rujukan untuk semua surat-menyurat yang dihantar oleh Pendaftar kepada pemeriksa dan pemohon.

## **6. SENARAI ANGKA GILIRAN DAN SLIP ANGKA GILIRAN**

- (a) Senarai angka giliran dan slip angka giliran hendaklah dihantar melalui e-mel kepada pemohon DUA (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan.
- (b) Nombor angka giliran calon boleh juga disemak melalui atas talian di laman sesawang Lembaga dalam fungsi semak calon peperiksaan.
- (c) Pemohon perlu membawa slip angka giliran untuk membenarkan mereka menduduki peperiksaan pada tarikh yang telah ditetapkan (secara berpusat).
- (d) Pemohon perlu memasuki link yang diberikan serta membuktikan kesahihan calon melalui hubungan video online, bagi membenarkan calon menduduki peperiksaan pada tarikh yang telah ditetapkan (secara online/atas talian).

## **7. SUKATAN, SOALAN DAN SKEMA JAWAPAN**

- (a) Lembaga akan menyediakan sukanan peperiksaan dan takwim peperiksan bagi ahli geologi yang ingin mendaftar dengan Lembaga.
- (b) Peperiksaan hendaklah dilaksanakan sebanyak DUA (2) kali setahun. Walau bagaimanapun, jika ada keperluan tertentu, lembaga boleh mengadakan peperiksaan tambahan.
- (c) Sukatan peperiksaan akan di semak setiap LIMA (5) tahun atau lebih awal, jika ada keperluan.
- (d) Lembaga boleh melantik organisasi atau individu yang berkelayakan bagi menggubal soalan dan skema jawapan serta menjadi pemeriksa kertas jawapan.
- (e) Soalan dan skema tersebut perlu disemak dan diluluskan oleh Lembaga sebelum digunakan dalam peperiksaan.
- (f) Kadar bayaran bagi setiap soalan dan skema jawapan tertakluk kepada persetujuan bersama antara Lembaga dan mereka yang dilantik.

## **8. PEPERIKSAAN**

- (a) Peperiksaan boleh dikendalikan sendiri oleh Pendaftar atau pemeriksa yang dilantik.

- (b) Calon dikehendaki menduduki peperiksaan Bahagian I (Amalan Profesional) secara atas talian (online).
- (c) Calon yang lulus Bahagian I layak untuk menduduki Lisan di Bahagian II.
- (d) Pemeriksa dan Pemudah-cara akan dilantik oleh Jawatankuasa Korporat Lembaga mengikut kriteria dan garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga
- (e) Pendaftar/Pemeriksa yang dilantik akan menerima syor untuk pelaksanaan peperiksaan daripada Lembaga, berkomunikasi secara langsung dan menguruskan logistik dengan calon yang akan menduduki peperiksaan.
- (f) Pendaftar/Pemeriksa dilantik bersama Pemudah-cara akan melengkapkan laporan peperiksaan.
- (g) Panel Pemeriksa memperakarkan keputusan peperiksaan dan kemudian mengemukakan borang yang lengkap kepada Lembaga untuk proses selanjutnya.
- (h) Setelah menerima Laporan Peperiksaan, Pengerusi Lembaga akan mengeluarkan surat kepada pemohon untuk memberitahu mereka tentang keputusan peperiksaan tersebut, sekurang-kurangnya DUA (2) minggu setelah peperiksaan tamat.
- (i) Calon yang berjaya akan disyorkan untuk menghadiri Penilaian Lisan (Bahagian II) serta mengemukakan laporan amalan geologi yang disahkan oleh Ahli Geologi Profesional Berdaftar (PGeol) sebagai memenuhi syarat sebelum pendaftaran sebagai Ahli Geologi Profesional Berdaftar.

## **9. PENDAFTARAN**

- (a) Pendaftar akan mengeluarkan surat kepada pemohon yang telah berjaya dalam peperiksaan mengesyorkannya untuk pendaftaran dalam kategori amalan yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Pemeriksa/ Pemudah-cara.
- (b) Pemohon akan dipertimbangkan untuk pendaftaran apabila mengemukakan salinan surat yang dikeluarkan oleh Pendaftar mengikut sebagaimana dokumentasi yang digariskan dalam surat itu, dan membayar semua fi berkaitan.

- (c) Selain daripada fi pendaftaran, pemohon dikehendaki membayar fi tahunan bagi tahun tersebut. (Rujuk fi terkini diterbitkan daripada Lembaga).
- (d) Pendaftaran Ahli Geologi Profesional boleh dilaksanakan melalui Penilaian Lisan (Bahagian II) sahaja bagi Ahli Geologi berpengalaman dan veteran dengan pertimbangan dan kelulusan Lembaga, tanpa perlu menduduki peperiksaan.

## **10. FI**

- (a) Semua fi yang dibayar kepada Lembaga bagi pentadbiran permohonan tidak akan dikembalikan tanpa mengira hasil proses permohonan.
- (b) Pemohon yang tidak berjaya perlu kemukakan permohonan baru sekiranya mereka ingin mengambil semula peperiksaan dan dikehendaki untuk membayar fi yang dikenakan.

## **11. REKOD**

- (a) Semua rekod yang dihasilkan semasa pelaksanaan tugas yang ditetapkan oleh SOP ini, hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga untuk makluman

# **LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

JADUAL PERTAMA  
BORANG J  
AKTA AHLI GEOLOGI 2008  
PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI 2015  
*[Peraturan 6]*

## **PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN PENILAIAN PROFESIONAL**

(Hendaklah diisi dalam HURUF CERAJ)

1. Nama: .....

2. No Pendaftaran: .....

3. Alamat: .....

.....  
.....

No Tel: ..... No Faks: .....

E-mel: .....

4. Saya telah memperoleh ..... tahun pengalaman amali dalam bidang geologi dan telah memenuhi kehendak subseksyen 20(2) AKTA AHLI GEOLOGI 2008.

5. Bersama ini saya sertakan bayaran dalam bentuk \*tunai/CDM/kiriman wang/draf bank/cek No: ..... sebanyak RM ..... bagi permohonan untuk menduduki Peperiksaan Penilaian Profesional.

*[Semua bayaran dalam bentuk tunai/CDM/kiriman wang/draf bank/cek hendaklah dibayar kepada Lembaga Ahli Geologi: Akaun Maybank 564052522670]*

6. Tarikh peperiksaan terdahulu: .....(tulis tiada, jika tidak berkaitan)

..... Tarikh: .....

Tandatangan Pemohon

*\*Potong yang mana tidak berkenaan*

PENGALAMAN PROFESIONAL				
Tarikh (bulan & tahun) Bagi setiap lantikan	KETERANGAN LATIHAN DAN PENGALAMAN (SEJAK MENDAFTAR SEBAGAI AHLI GEOLOGI SISWAZAH)	Rujukan	Bidang pengalaman (dalam bulan)	
	<p>Nyatakan dengan ringkas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nama Majikan dan Lokasi</li> <li>ii. Nama jawatan yang dipegang,</li> <li>iii. Huraian setiap kerja (Buat kenyataan singkat dan ringkas, menunjuk setiap kerja yang terlibat dengannya termasuk beberapa petunjuk magnitud dan kerumitan kerja di mana terlibat, tugas dan tahap tanggung jawab) Jika perlu, tambahan lembar boleh dilampirkan.</li> </ul>	Nama, Kedudukan dan Alamat Ahli Geologi Berdaftar yg dirujuk	<p>JUMLAH</p> <p>PETROLEUM GEOLOGI</p> <p>HIDROGEOLOGI</p> <p>EXPLORASI MINERAL</p> <p>GEOTEKNIKAL</p>	<p>Tandatangan Ahli Geologi Profesional yang mempunyai penggetahuan personal terhadap pengalaman latihan permohonan dalam tempoh yang ditentukan</p>
		JUMLAH		

**AKUAN PEMOHON  
PEPERIKSAAN PENILAIAN PROFESIONAL**

Saya mengaku bahawa saya:			
		YA	TDAK
1	Tidak pernah menduduki Peperiksaan Penilaian Profesional di Lembaga Ahli Geologi Malaysia		
2	Pernah gagal Peperiksaan Penilaian Profesional di Lembaga Ahli Geologi Malaysia pada* .....		

Lain-lain kenyataan:

---

---

---

Yang benar,

Nama penuh :

No. kad pengenalan :

No. pendaftaran Ahli Geologi Siswazah :

**PERHATIAN : \*\* Sila tandakan (✓) di kotak yang berkenaan.**

\* Sila nyatakan tarikh.